

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Berjasa ikrar bantu UMNO kalahkan PAS

ALOR SETAR, Selasa — Berjasa Negeri Kedah berikrar membantu UMNO merampas kerusi-kerusi Parlimen dan Negeri yang dipegang oleh PAS di negeri ini.

Seorang jurucakap Berjasa Kedah memberitahu, partinya sedang memuncupkan ceramah-ceramahnya di enam kawasan negeri dan dua parlimen yang kini dikuasai oleh PAS dengan harapan penduduk-penduduk di situ akan menyokong UMNO.

Setakat ini Berjasa telah mengadakan 123 ceramah di kawasan-kawasan tersebut. Ceramah-ceramah yang serupa di kawasan yang sama akan diperhebatkan semasa kempen pilihanraya kelak.

Jurucakap itu yakin

UMNO akan memenangi kerusi Parlimen Baling dan Kota Setar serta kerusi Dewan Undangan Negeri Langgar-Limbong, Sik, Salak, Jerlum, Kupang dan Anak Bukit memandangkan sambutan orang ramai terhadap ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh Berjasa.

## Ceramah

Mulai dari tarikh penamaan calon pada 7 April hingga ke tarikh pengundian, Berjasa akan mengadakan ceramah pada setiap hari.

Menurutnya, ceramah-ceramah Berjasa ditumpukan terhadap penyokong-penyokong PAS, orang-orang "atas pagar", pengundi-pengundi baru dan juga orang-orang yang keciwa dalam

UMNO.

"Berjasa mengutamakan perkara perpaduan dalam ceramah-ceramah itu," jelasnya.

Beliau berharap dengan menitikberatkan soal perpaduan, Barisan Nasional, khususnya UMNO dan Berjasa akan dapat penawan hati rakyat.

Sementara itu di Pulau Pinang, PAS masih belum memutuskan lagi secara muktamad siapakah calon untuk menghadapi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di kawasan Parlimen Kubang Pasu dalam pilihanraya 22 April ini.

Setakat ini bekas Duta Malaysia ke Iran, Haji Yusoff Rawa yang juga Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, disebut-sebut sebagai tokoh PAS yang paling wajar untuk bertanding

menghadapi Datuk Seri Dr. Mahathir.

Haji Yusoff, 59 tahun, memberitahu Berita Harian: "Parti belum lagi membuat keputusan sama ada saya dicalonkan. Tetapi jika saya dicalonkan saya sedia bertanding di kawasan tersebut jika parti memutuskan demikian."

"Tetapi setakat hari ini saya belum lagi mendapat keputusan dari parti," katanya.

Haji Yusoff pernah menentang Datuk Seri Dr. Mahathir di kawasan Parlimen Kota Setar Selatan dalam pilihanraya tahun 1969.

Haji Yusoff menewaskan Datuk Seri Dr. Mahathir dengan 989 undi sahaja.

Haji Yusoff mendapat 13,021 undi manakala Datuk Seri Dr. Mahathir mendapat 12,032 undi.